



NEGERI PERAK

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 67
Bil. 21

9hb Oktober 2014

TAMBAHAN
No. 1

No. 2621.

**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENYATA KEWANGAN MAJLIS PERBANDARAN TAIPING
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012**

Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Taiping bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan ini termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam penyata kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan perseimbahan Penyata Kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Taiping pada 31 Disember 2012 serta hasil operasi dan aliran tunainya untuk tahun tersebut adalah selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan.

IPOH

Bertarikh 8 Julai 2013

t.t.

(DATIN SERI DATO' SHAMSIAH BINTI HAJI DAUD)
b.p. Ketua Audit Negara
Malaysia

PENYATA OLEH AHLI-AHLI MAJLIS
MAJLIS PERBANDARAN TAIPING
PERAK DARUL RIDZUAN

Kami, Haji Mohd. Ariffin bin Haji Abdul Talib dan Mohd. Idrus b. Mohd. Zain, yang merupakan Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Taiping dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat kami Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan Nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Majlis Perbandaran Taiping pada 31 Disember 2012 dan hasil kendaliannya dan perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Lembaga Ahli Majlis, Bagi Pihak Lembaga Ahli Majlis,

DATUK HJ. MOHD. ARIFFIN B.
HJ. ABDUL TALIB
Ahli Majlis
Majlis Perbandaran Taiping
Tarikh: 28 Februari 2013

MOHD IDRUS B. MOHD ZAIN
*Ahli Majlis
Majlis Perbandaran Taiping
Tarikh: 28 Februari 2013*

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN**

Saya, Shahrom bin Dato' Abd Malik, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Perbandaran Taiping, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan Nota-nota di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah benar dan saya membuat pengakuan ini sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan menurut kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Di hadapan saya,

t.t.
Pesuruhjaya Sumpah Malaysia
Taiping

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

9hb Okt. 2014]

2877

LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2012

	NOTA	2012 RM	2011 RM
ASET BUKAN SEMASA			
Hartanah, Loji dan Peralatan	3	34,574,683	32,942,568
Kerja Dalam Pelaksanaan	4	444,904	0
Jumlah Aset Bukan semasa		<u>35,019,587</u>	<u>32,942,568</u>
HARTA SEMASA			
Penghutang	5	10,826,114	11,029,029
Pendahuluan Pinjaman	6	161,344	142,310
Simpanan Tetap	7	6,500,000	3,750,000
Wang di Bank dan di Tangan	8	4,367,385	6,345,376
Jumlah Aset Semasa		<u>21,854,843</u>	<u>21,266,715</u>
LIABILITI SEMASA			
Pemiutang	9	2,915,749	2,328,456
Terimaan Terdahulu	10	790,585	600,567
Cagaran Diterima	11	4,587,474	4,387,420
Jumlah Liabiliti Semasa		<u>8,293,808</u>	<u>7,316,443</u>
ASET SEMASA BERSIH		<u>13,561,035</u>	<u>13,950,272</u>
		<u>48,580,622</u>	<u>46,892,840</u>
Dibiayai oleh:			
KUMPULAN WANG TERKUMPUL	12	15,295,500	17,076,005
KOLAM RENANG KEMAHKOTAAN	13	499	7,451
		<u>15,295,999</u>	<u>17,083,456</u>
LIABILITI BUKAN SEMASA			
Pinjaman Negeri	14	2,000,000	0
Projek Khas	15	9,818,640	8,279,144
Pemberian Kerajaan Yang Dimodalkan	16	21,465,983	21,530,240
		<u>48,580,622</u>	<u>46,892,840</u>

PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

	NOTA	2012 RM	2011 RM
PENDAPATAN			
Hasil Cukai	17	15,148,312	14,966,855
Hasil Bukan Cukai	18	19,207,984	17,520,803
Terimaan Bukan Hasil	19	3,908,602	3,432,185
JUMLAH		38,264,898	35,919,843
PERBELANJAAN			
Emolumen	20	21,604,441	18,809,181
Perkhidmatan dan Bekalan	21	15,775,580	14,298,077
Pulangbalik Hasil dan Hapuskira	22	513,660	608,723
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	23	90,973	161,038
Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain	24	435,468	351,934
Susutnilai	3	1,285,278	1,314,598
Pembangunan	25	720,524	373,714
JUMLAH		40,425,924	35,917,265
(KURANGAN)/LEBIHAN PENDAPATAN ATAS PERBELANJAAN		(2,161,026)	2,578

PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2012

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

	2012 RM	2011 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
(Kurangan)/Lebihan Pendapatan atas Perbelanjaan	(2,161,026)	2,578
Pelarasan untuk perkara-perkara yang tidak melibatkan pergerakan tunai:		
Pindahan dari Kerja Dalam Pelaksanaan	444,904	0
Pindahan Dari Pemberian Kerajaan Yang Dimodalkan	(520,961)	(474,212)
Susutnilai	(1,023,533)	1,314,598
Hapuskira	2,308,823	0
Faedah Dan Perolehan Dari Pelaburan	(204,401)	(206,372)
(Kurangan)/Lebihan Pendapatan Sebelum Perubahan Modal Kerja	(1,156,194)	636,592
Perubahan Modal Kerja:		
Penghutang	202,915	(948,958)
Pendahuluan Pinjaman	(19,034)	53,104
Cagaran	200,054	38,140
Pemiutang	587,293	(234,019)
Terimaan Terdahulu	190,018	495,700
Projek Khas	1,539,496	2,762,302
Pinjaman Kerajaan Negeri	2,000,000	0
Tunai Dihasilkan Daripada Aktiviti Operasi Faedah dan Perolehan Dari Pelaburan Diterima	3,544,548	2,802,861
	204,401	206,372
Aliran Tunai Bersih Dihasilkan Daripada Aktiviti Operasi	3,748,949	3,009,233
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan Tambahan kerja Dalam Pelaksanaan	(2,905,605)	(674,244)
	(444,904)	
Aliran Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Pelaburan	(3,350,509)	(674,244)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI KEWANGAN		
Kumpulan Wang Pembangunan	380,521	254,932
Kolam Renang Kemahkotaan	(6,952)	(976)
Aliran Tunai Bersih Dihasilkan Daripada Aktiviti Kewangan	373,569	253,956

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012—(sambungan)

	2012 RM	2011 RM
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI		
Tambahan Bersih	772,009	2,588,945
Pada 1hb Jan	10,095,376	7,506,431
	<hr/>	<hr/>
Pada 31hb Dis	10,867,385	10,095,376
	<hr/>	<hr/>
Tunai dan kesetaraan tunai diwakili oleh:		
Wang di Bank dan di Tangan	4,367,385	6,345,376
Simpanan Tetap	6,500,000	3,750,000
	<hr/>	<hr/>
	10,867,385	10,095,376
	<hr/>	<hr/>

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2012

1. MAKLUMAT ORGANISASI

1.1 VISI

Menjadi Taiping sebagai Bandar Pelancongan Warisan Berdaya Maju, Sejahtera dan Mampu menjelang tahun 2020.

1.2 AKTIVITI UTAMA

Menyediakan perkhidmatan yang berkualiti kepada Perkhidmatan Teras serta proses utama. Majlis Perbandaran Taiping iaitu Pengurusan Am, Perancangan dan Kawalan Pembangunan, Pengawalan dan Penggalakan Perniagaan, Pengurusan Cukai Taksiran dan Harta, Perkhidmatan Perbandaran, Penyediaan dan Penyelenggaraan Infrastruktur dan Kemudahan awam, Pengurusan Kewangan, Penguatkuasaan Undang-Undang, Pengurusan Zoo Taiping dan Night Safari dan Penggalakan Pelancongan.

1.3 STRUKTUR ORGANISASI

Majlis terdiri daripada 9 jabatan iaitu:

1.3.1 Jabatan Yang Dipertua

1.3.2 Jabatan Khidmat Pengurusan

1.3.3 Jabatan Akaun dan Kewangan

1.3.4 Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

1.3.5 Jabatan Bangunan

1.3.6 Jabatan Perkhidmatan Bandar dan Kesihatan

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2012—(sambungan)**

1.3.7 Jabatan Perancang Pembangunan Bandar

1.3.8 Jabatan Kejuruteraan

1.3.9 Jabatan Zoo

Unit-unit di bawah pengurusan Jabatan Yang Dipertua terdiri daripada seperti berikut:

1.3.1.1 Bahagian Undang-Undang

1.3.1.2 Bahagian Pusat Setempat

1.3.1.3 Unit Audit Dalam & Kualiti

1.4 PERJAWATAN

Kumpulan Perjawatan	Perjawatan	Taraf Jawatan	Diisi
Pengurusan & Professional	24	Tetap Kontrak	15
Sokongan I	216	Tetap Kontrak Sambilan	180 1 1
Sokongan II	464	Tetap Kontrak Sambilan	367 30 1
Jumlah	704		595

1.5 PENGURUSAN MAJLIS

Majlis terdiri daripada Yang Dipertua, 24 Ahli Majlis dan Setiausaha yang bertindak di dalam ruang lingkup kuasa yang diberikan di bawah:

- i. Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171),
- ii. Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)
- iii. Akta Perancang Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) dan
- iv. Undang-Undang Kecil yang diluluskan.

Lembaga/Jawatankuasa-Jawatankuasa yang diwujudkan terdiri daripada:

- i. Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)
- ii. Jawatankuasa Lalulintas dan Penguatkuasaan
- iii. Jawatankuasa Pembangunan Bandar & Kesihatan
- iv. Jawatankuasa Pelancongan
- v. Jawatankuasa Kewangan (JPKA)
- vi. Jawatankuasa Tujuan-Tujuan Am
- vii. Jawatankuasa Pengurusan Majlis
- viii. Jawatankuasa Membuka Tender

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2012—(sambungan)**

- ix. Lembaga Tender dan Sebutharga
- x. Lembaga Pelupusan
- xi. Lembaga Perlantikan dan Kenaikan Pangkat
- xii. Lembaga Tatatertib

1.6 SUMBER KEWANGAN

Majlis memperolehi pembiayaan melalui hasil daripada aktiviti-aktiviti utama serta sumbangan daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

2.1 ASAS PERAKAUNAN

2.1.1 Kos Sejarah

Penyata Kewangan ini disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah selain daripada dalam Nota-nota kepada penyata kewangan dan mengikut piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia.

2.1.2 Pengiktirafan Pendapatan

i. Hasil Kendalian Operasi

Pendapatan daripada kendalian/operasi Majlis diiktiraf menggunakan kaedah asas akruan seperti cukai taksiran, caruman bantuan kadar, sewaan kecuali sewa dewan, padang dan gelanggang. Notis dan faedah simpanan tetap berkonseptan konvensional akan diiktiraf sebagai pendapatan dalam tahun semasa dengan menggunakan asas akruan. Pendapatan daripada kendalian/operasi selain daripada yang tersebut di atas diiktiraf berdasarkan asas tunai yang mana perlu.

ii. Terimaan Bukan Hasil

Pendapatan-pendapatan lain seperti bantuan dan sumbangan daripada kerajaan Negeri dan Persekutuan atau lain-lain pendapatan yang berkelaziman atau di bawah kehendak mana-mana Akta dan arahan akan diiktiraf secara akruan.

iii. Keuntungan Simpanan Tetap

Penerimaan keuntungan untuk simpanan tetap sistem perbankan secara Islam diambilkira berdasarkan asas tunai.

2.1.3 Pengiktirafan Perbelanjaan

Perbelanjaan diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam tahun semasa dengan menggunakan asas akruan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2012—(sambungan)

2.2 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul dan nilai aset terjejas, jika ada. Hartanah, loji dan peralatan disusutnilai menggunakan kaedah garis lurus berdasarkan kepada anggaran usia guna harta tersebut.

Harta yang berjumlah RM1,000 dan ke atas akan dipermodalkan sebagai hartanah, loji dan peralatan. Bagi harta yang berjumlah kurang dari RM1,000 akan dicajkan sebagai perbelanjaan di penyata pendapatan.

Harta yang dibeli sebelum atau pada 30 Jun akan disusutnilaikan setahun dan harta yang dibeli selepas 30 Jun akan disusutnilai berdasarkan kadar bulanan pada tahun pertama harta tersebut dibeli.

Tanah milik bebas tidak disusutnilai.

Kadar-kadar tahunan yang digunakan adalah seperti berikut:

Tanah Milik Pajak	:	Tempoh Pajakan 99 tahun
Tanah dan Bangunan	:	2% setahun
Kenderaan	:	20% setahun
Mesin	:	20% setahun
Kelengkapan Pejabat	:	20% setahun
Peralatan Perubatan Zoo	:	20% setahun
Peralatan Muzik	:	20% setahun
Haiwan Peliharaan di Zoo	:	20% setahun
Kelengkapan Untuk Disewa	:	20% setahun

2.3 Caruman Bantuan Kadar

Pemberian Caruman Bantuan Kadar adalah berdasarkan kepada Caruman/pemberian yang diluluskan sama ada oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan lain-lain pihak yang terlibat dan direalisasikan sebagai pendapatan mengikut tahun tuntutan.

2.4 Pendapatan Geran

2.4.1 Geran pembangunan berkaitan perbelanjaan modal yang diterima daripada Kerajaan akan dikreditkan ke akaun Pemberian Kerajaan yang Dimodalkan. Amaun yang digunakan dalam tahun akan diambilkira di dalam penyata pendapatan berdasarkan kepada tempoh hayat harta berkenaan yang bersamaan dengan jumlah susutnilai yang dikenakan.

2.4.2 Geran-geran Kerajaan yang diterima selain daripada Geran yang berkaitan dengan Harta Tetap diiktirafkan sebagai pendapatan dalam tahun diterima tanpa wujudnya tunggakan penerimaan Geran Kerajaan di dalam Penyata Kewangan Semasa.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2012—(sambungan)**

2.5 Kerja Dalam Perlaksanaan

Kerja dalam perlaksanaan adalah kerja-kerja yang masih belum disempurnakan pada akhir tahun kewangan dan dinyatakan pada nilai kos mengikut kaedah siap dilaksanakan.

2.6 Kemudahan Awam

Kemudahan awam adalah harta yang berkaitan dengan kepentingan awam dan tidak diiktiraf sebagai harta tanah, loji dan peralatan dan diambilkira di bawah harta modal dalam Penyata Pendapatan.

2.7 Penghutang

Penghutang dinyatakan setelah ditolak elaun hutang ragu.

2.8 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai didefinisikan sebagai baki tunai di tangan, baki bank, deposit permintaan jangka pendek dan pelaburan berkecairan tinggi yang sedia untuk ditukar kepada jumlah wang tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

2.9 Pelbagai Pemiutang

Para pemiutang yang dinyatakan pada nilai kos yang merupakan nilai saksama yang dipertimbangkan akan dibayar pada masa hadapan untuk perkhidmatan-perkhidmatan yang diterima.

2.10 Peruntukan Susutnilai Nilai-nilai Aset

Nilai-nilai dibawa aset-aset dikaji kerosotan apabila terdapat tanda bahawasanya aset-aset tersebut akan merosot. Kerosotan dikira dengan membandingkan nilai-nilai dibawa aset-aset dengan amaun-amaun akan diperolehnya. Amaun akan diperolehi adalah lebih tinggi daripada nilai tara bersih dan nilai dalam guna, yang dikira dengan merujuk aliran tunai didiskaunkan. Amaun-amaun akan diperolehi dianggarkan untuk aset-aset individu, ataupun sekiranya boleh, untuk unit penghasilan tunai.

Sesuatu kerugian kerosotan dicaj ke dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan dengan serta-merta.

Sebarang kenaikan selepas dianggap sebagai amaun akan diperolehi ke atas sesuatu aset dan ianya diiktirafkan sebagai pembalikan ke atas kerugian kerosotan sebelumnya dan diiktiraf setakat amaun dibawa aset tersebut yang diiktiraf sebelum ini (nilai bersih pelupusan dan susutnilai) sekiranya tiada kerosotan kerugian telah diiktiraf. Pembalikan diiktiraf di dalam penyata pendapatan dengan serta-merta.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2012—(sambungan)

3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

3.1 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	2012	Tanah & Bangunan	Kenderaan	Mesin	Kelengkapan Pejabat	Haiwan Peliharaan Di Zoo	Peralatan Perubatan	Peralatan Muzik	Kelengkapan Untuk Sewaan	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Kos Asal/Nilaiian										
Baki Awal Tahun	43,149,267	5,262,088	3,761,892	7,220,060	752,586	10,158	9,420	20,000	60,185,471	
Tambahan	2,000,000	422,763	64,235	389,907	40,500	0	0	0	0	2,917,405
Pelupusan	0	(274,472)	(2,034,351)	0	0	0	0	0	0	(2,308,823)
Baki Akhir Tahun	45,149,267	5,410,379	1,791,776	7,609,967	793,086	10,158	9,420	20,000	60,794,053	
Susutnilai Terkumpul										
Baki Awal Tahun	11,338,990	4,926,910	3,571,548	6,646,080	719,807	10,153	9,416	19,999	27,242,903	
Susutnilai Semasa	862,985	70,961	125,018	207,759	18,555	0	0	0	0	1,285,278
Pelupusan	0	(274,469)	(2,034,342)	0	0	0	0	0	0	(2,308,811)
Baki Akhir Tahun	12,201,975	4,723,402	1,662,224	6,853,839	738,362	10,153	9,416	19,999	26,219,370	
Nilai Buku Bersih	32,947,292	686,977	129,552	756,128	54,724	5	4	1	34,574,683	

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

9hb Okt. 2014]

2887

	Tanah & Bangunan	Kenderaan	Mesin	Kelengkapan Pejabat	Haiwan Peliharaan Di ZOO	Peralatan Perubatan	Peralatan Muzik	Kelengkapan Untuk Sewaan	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Kos Asal/Nilaiian									
Baki Awal Tahun	43,149,267	4,989,524	3,761,892	6,799,635	752,586	10,158	9,420	20,000	59,492,482
Tambahan	0	272,564	0	420,425	0	0	0	0	692,989
Baki Akhir Tahun	43,149,267	5,262,088	3,761,892	7,220,060	752,586	10,158	9,420	20,000	60,185,471
Susutnilai/Terkumpul									
Baki Awal Tahun	10,476,005	4,877,165	3,444,814	6,382,036	708,717	10,153	9,416	19,999	25,928,305
Susutnilai Semasa	862,985	49,745	126,734	264,044	11,090	0	0	0	1,314,598
Baki Akhir Tahun	11,338,990	4,926,910	3,571,548	6,646,080	719,807	10,153	9,416	19,999	27,242,903
Nilai Buku Bersih	31,810,277	335,178	190,344	573,980	32,779	5	4	1	32,942,568

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2012—(sambungan)

	2012 RM	2011 RM
4. KERJA DALAM PELAKSANAAN		
Membina Arena Square di Batu Kurau	194,904	0
Dewan Orang Ramai di Taman Bukit Mas	250,000	0
	444,904	0
5. PENGHUTANG		
Cukai Taksiran Am	6,446,118	6,726,313
Caruman Bantuan Kadar	0	52,741
Sewa	875,964	728,155
Notis	3,014,136	3,697,618
Pelbagai	767,489	104,323
	11,103,707	11,309,150
Tolak: Peruntukan Hutang Ragu	(277,593)	(280,121)
	10,826,114	11,029,029
6. PENDAHULUAN PINJAMAN		
6.1 Pendahuluan Kenderaan:		
Baki pada 1hb Jan	119,340	125,141
Tambah:		
Pinjaman Diberi Dalam Tahun	63,428	35,812
	182,768	160,953
Tolak:		
Bayaran Balik Dalam Tahun	(54,722)	(41,613)
	128,046	119,340
6.2 Pendahuluan Komputer:		
Baki pada 1hb Jan	22,970	70,273
Tambah:		
Pinjaman Diberi Dalam Tahun	20,000	6,755
	42,970	77,028
Tolak:		
Bayaran Balik Dalam Tahun	(9,672)	(54,058)
	33,298	22,970
Jumlah Pendahuluan Pinjaman	161,344	142,310

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

9hb Okt. 2014]

2889

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2012—(*sambungan*)

	2012 RM	2011 RM
7. SIMPANAN TETAP		
Baki pada 1hb Jan	3,750,000	5,250,000
Tambah:		
Penambahan dalam Tahun	8,000,000	4,000,000
	<hr/>	<hr/>
	11,750,000	9,250,000
Tolak:		
Pengeluaran dalam Tahun	(5,250,000)	(5,500,000)
	<hr/>	<hr/>
Baki pada 31hb Dis	6,500,000	3,750,000
	<hr/>	<hr/>
8. WANG DI BANK DAN DI TANGAN		
Wang Dalam Bank		
CIMB Berhad 1	94,939	57,655
CIMB Berhad 2	1,130	1,000
Maybank Berhad	882,524	202,276
Bank Simpanan Nasional	26,290	58,205
Bank Islam Malaysia Berhad I	523,836	422,478
Bank Islam Malaysia Berhad II	2,466,248	4,901,537
Bank Islam Malaysia Berhad III	147,739	450,946
Tunai di tangan	1,100	1,100
Wang Dalam Perjalanan	223,579	250,179
	<hr/>	<hr/>
	4,367,385	6,345,376
	<hr/>	<hr/>
9. PEMIUTANG		
Emolumen	161,692	120,598
Perkhidmatan dan Bekalan	1,194,464	1,087,081
Pemberian dan Kenaan Bayaran	0	3,445
Aset	461,496	371,334
Belanja Pembangunan	50,919	0
Bayaran Juruaudit	0	38,034
Cek Habis Tempoh	218,176	188,156
Pelbagai Pemiutang	828,902	519,808
	<hr/>	<hr/>
	2,915,749	2,328,456
	<hr/>	<hr/>

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2012—(sambungan)**

	2012 RM	2011 RM
10. TERIMAAN TERDAHULU		
Cukai Taksiran	733,819	524,850
Sewaan	56,766	75,717
	790,585	600,567
11. CAGARAN DITERIMA		
Baki pada 1hb Jan	4,387,420	4,349,280
Tambah:		
Diterima Dalam Tahun	672,038	570,235
	5,059,458	4,919,515
Tolak:		
Dibayar Balik Dalam Tahun	(471,984)	(532,095)
	4,587,474	4,387,420
12. KUMPULAN WANG		
12.1 KUMPULAN WANG TERKUMPUL		
(Kurangan)/Lebihan Pendapatan atas Perbelanjaan bagi tahun:	(2,161,026)	2,578
Baki pada 1hb Jan		
Seperti yang dilaporkan dahulu:	12,621,909	12,619,331
	0	0
Seperti yang dinyatakan semula	12,621,909	12,619,331
	10,460,883	12,621,909
12.2 KUMPULAN WANG PINJAMAN KENDERAAN	796,550	796,550
12.3 KUMPULAN WANG PINJAMAN KOMPUTER	500,000	500,000
12.4 KUMPULAN WANG PINJAMAN PELAJARAN	300,000	300,000
12.5 KUMPULAN WANG PINJAMAN TELEFON BIMBIT	20,000	20,000
	1,616,550	1,616,550

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2012—(sambungan)**

	2012 RM	2011 RM
12.6 KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN MAJLIS		
Baki pada 1hb Jan	2,218,139	2,367,411
Tambah: Penerimaan Dalam Tahun		
Kumpulan Wang Pembangunan Majlis	1,709,287	1,392,684
Tolak: Pembayaran dalam Tahun	(1,610,526)	(1,541,956)
Kumpulan Wang Pembangunan Majlis		
Baki pada 31hb Dis	2,316,900	2,218,139
Kumpulan Wang Pembangunan Majlis merupakan peruntukan yang disediakan oleh Majlis untuk melaksanakan projek-projek pembangunan yang dicadangkan.		
12.7 KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN SUMBANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN		
Baki pada 1hb Jan	619,407	215,203
Tambah: Penerimaan Dalam Tahun	1,650,000	1,200,000
Tolak: Pembayaran dalam Tahun	(1,368,240)	(795,796)
Baki pada 31hb Dis	901,167	619,407
JUMLAH KUMPULAN WANG	15,295,500	17,076,005
13. KOLAM RENANG KEMAHKOTAAN		
Baki pada 1hb Jan	7,451	8,427
Tambah: Penerimaan Dalam Tahun	0	0
Kutipan Sewaan		
Tolak: Pembayaran Dalam Tahun	(6,952)	(976)
Baki pada 31hb Dis	499	7,451
14. PINJAMAN DARI KERAJAAN NEGERI		
Baki pada 1hb Jan	0	0
Tambah:		
Diterima Dalam Tahun	2,000,000	0
Tolak:		
Dibayar Balik Dalam Tahun	0	0
Baki pada 31hb Dis	2,000,000	0

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2012—(sambungan)**

Majlis telah menandatangani perjanjian pinjaman wang dengan Kerajaan Negeri pada 7 Jun 2010 sebanyak RM2 juta bagi tujuan pengubahsuaian kaunter utama Majlis. Pinjaman tersebut dibayar kepada Majlis berdasarkan kepada tuntutan yang dibuat oleh Majlis kepada Kerajaan Negeri. Sehingga 31 Disember 2012 jumlah keseluruhan pinjaman telah diterima iaitu RM2,000,000.00. Bayaran ansuran pinjaman akan bermula pada tahun 2014 dan akan berakhir pada tahun 2024 (10 tahun).

15. PROJEK KHAS

	2012 RM	2011 RM
Baki pada 1hb Jan	8,279,144	5,516,842
Tambah:		
Diterima Dalam Tahun		
Projek Khas Zoo	565,662	276,325
Bayaran Perkhidmatan Kemajuan Parit dan Longkang di Skim Perumahan	613,915	315,889
Sumbangan Awam Letak Kereta	19,000	62,072
Lain-lain Sumbangan	2,245,459	3,112,985
	<hr/>	<hr/>
	11,723,180	9,284,113
Tolak:		
Dibayar Balik Dalam Tahun	(1,904,540)	(1,004,969)
	<hr/>	<hr/>
Baki pada 31hb Dis	9,818,640	8,279,144
	<hr/>	<hr/>

Projek Khas merupakan sumbangan yang diterima daripada orang awam dan juga Kerajaan. Termasuk dalam Projek Khas ini adalah sumbangan awam bagi Peruntukan Zoo.

16. PEMBERIAN KERAJAAN YANG DIMODALKAN

Ini merupakan geran kerajaan berkaitan dengan harta tanah, loji dan peralatan.

2012	Baki Pada 1 Januari	Tambahan	Jumlah diperuntukan Kpd Pendapatan Jangka Masa	Baki Pada 31 Disember
	RM	RM	RM	RM
GERAN PERSEKUTUAN				
Tanah dan Bangunan	19,122,204	444,904	437,252	19,129,856
Kenderaan	3	0	0	3
Mesin	13,167	11,800	6,928	18,039
Kelengkapan Pejabat	951	0	500	451
Haiwan Peliharaan Di Zoo	1	0	0	1
JUMLAH	19,136,326	456,704	444,680	19,148,350

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

9hb Okt. 2014]

2893

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2012—(sambungan)

	2012	Baki Pada 1 Januari	Tambahkan	Jumlah diperuntukan Kpd Pendapatan Jangka Masa	Baki Pada 31 Disember
	RM	RM	RM	RM	RM
GERAN NEGERI					
Tanah dan Bangunan	2,306,638		0	49,083	2,257,555
Kenderaan	31,840		0	7,960	23,880
Mesin	1		0	0	1
Kelengkapan Pejabat	55,435		0	19,238	36,197
JUMLAH	2,393,914		0	76,281	2,317,633
JUMLAH BESAR	21,530,240		456,704	520,961	21,465,983

	2011	Baki Pada 1 Januari	Tambahkan	Jumlah diperuntukan Kpd Pendapatan Jangka Masa	Baki Pada 31 Disember
	RM	RM	RM	RM	RM
GERAN PERSEKUTUAN					
Tanah dan Bangunan	19,559,456		0	437,252	19,122,204
Kenderaan	3		0	0	3
Mesin	35,895		0	22,728	13,167
Kelengkapan Pejabat	1,451		0	500	951
Haiwan Peliharaan Di Zoo	1		0	0	1
JUMLAH	19,596,806		0	460,480	19,136,326
GERAN NEGERI					
Tanah dan Bangunan	2,355,721		0	49,083	2,306,638
Kenderaan	0		39,800	7,960	31,840
Mesin	1		0	0	1
Kelengkapan Pejabat	33,179		40,895	18,639	55,435
JUMLAH	2,388,901		80,695	75,682	2,393,914
JUMLAH BESAR	21,985,707		80,695	536,162	21,530,240

17. HASIL CUKAI

	2012	2011
	RM	RM
Cukai Langsung	14,343,847	14,314,679
Caruman Bantuan Kadar	804,465	652,176
	<hr/>	<hr/>
	15,148,312	14,966,855
	<hr/>	<hr/>

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2012—(sambungan)

18. HASIL CUKAI

	2012 RM	2011 RM
Lesen	2,275,258	2,500,516
Terimaan dan Bayaran Perkhidmatan	11,581,144	9,906,578
Perolehan dari Jualan Barang-Barang	166,942	125,193
Sewaan	3,266,238	3,298,069
Faedah dan Perolehan Dari Pelaburan	253,120	247,463
Denda dan Hukuman	1,665,282	1,442,984
	19,207,984	17,520,803

19. TERIMAAN BUKAN HASIL

Sumbangan Tempatan	18,856	16,743
Geran Keseimbangan	2,871,690	2,871,690
Pelbagai Terimaan	494,566	7,590
Kredit Tertunda	520,962	536,162
Hutang Ragu Dibaik Pulih	2,528	0
	3,908,602	3,432,185

20. EMOLUMEN

Gaji dan Upahan	12,464,313	10,663,715
Elaun Tetap	2,480,142	2,499,280
Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan	2,159,811	1,870,644
Elaun Lebih Masa	1,544,142	1,340,647
Faedah Kewangan Kakitangan Awam	2,956,033	2,434,895
	21,604,441	18,809,181

21. PERKHIDMATAN DAN BEKALAN

Perjalanan dan Sara Hidup	578,210	513,486
Perhubungan dan Utiliti	2,306,849	1,991,319
Sewaan	917,406	661,067
Bekalan Bahan Mentah	2,705,540	2,403,484
Penyelenggaraan dan Pembaikan	2,246,597	2,273,145
Bekalan dan Bahan Lain	1,141,219	1,052,283
Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti	5,881,759	5,403,293
	15,775,580	14,298,077

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2012—(sambungan)**

22. PULANGBALIK HASIL DAN HAPUSKIRA

	2012	2011
	RM	RM
Pulangbalik Hasil	213,596	199,716
Hapus Kira Sewaan	0	277,039
Hapus Kira Notis E dan Waran F	300,064	131,968
	513,660	608,723

**23. PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN
TETAP**

Pemberian Dalam Negeri	51,980	54,999
Ganjaran	38,993	106,039
	90,973	161,038

24. PERBELANJAAN-PERBELANJAAN LAIN

Cukai Tanah	109,677	18,432
Pelbagai Termasuk Insuran/Komisen Bank	325,791	311,846
Hutang Ragu	0	21,656
	435,468	351,934

25. PEMBANGUNAN

Gerai/Bazar dan Kompleks Perniagaan	0	19,960
Memasang Papan Tanda Arah/Taman	1,720	0
Menaiktaraf Bangunan MPT	49,393	50,000
Cadangan Struktur MPT	27,900	0
Menaiktaraf Bengkel MPT	49,880	0
Taman Tasik Kamunting	28,840	0
Membina Pondok Perhentian Bas	22,905	0
Menaiktaraf Jalan	0	14,512
Lampu Jalan, Hiasan, Lampu Isyarat	24,492	0
Projek Teknologi Maklumat	266,345	202,310
Projek Zoo	249,049	67,240
Menaiktaraf Tapak Pelupusan Sisa Pepejal	0	19,692
	Belanja Pembangunan oleh Majlis	720,524
		373,714

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2012—(sambungan)**

26. PENGLIBATAN MODAL

	2012 RM	2011 RM
Diluluskan dan dikontrakkan:		
Membina Arena Square di Batu Kurau	1,250,000	0
Membina Dewan Orang Ramai di Taman Bukit Mas	500,000	0
	1,750,000	0
i. Arena Square di Batu Kurau		
Kos asal kontrak	1,250,000	
Bayaran sehingga 31.12.2012	(194,904)	
	1,055,096	
ii. Dewan Orang Ramai di Taman Bukit Mas		
Kos asal kontrak	500,000	
Bayaran sehingga 31.12.2012	(250,000)	
	250,000	

27. LIABILITI DAN ASET LUAR JANGKA

Terdapat kes-kes tuntutan sivil oleh Majlis dan terhadap Majlis yang masih dalam proses tindakan mahkamah.

- i. Hight Greenwood Sdn Bhd. melawan Majlis Perbandaran Taiping Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi telah menetap tarikh bagi Pendengaran Taksiran Gantirugi pada 1 April 2013
- ii. Majlis Perbandaran Taiping melawan Power Aspects Sdn. Bhd. Peguam telah memulakan prosedur syarikat setelah pihak Power Aspects Sdn Bhd masih gagal menjelaskan bayaran penghakiman sebanyak RM79,143.40.
- iii. Shahuddin bin Ismail melawan Majlis Perbandaran Taiping Kes sedang dalam perbicaraan. Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi telah menetapkan tarikh sambung bicara kes pada 4 Mac 2013 di Mahkamah Tinggi Taiping.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2012—(sambungan)**

- | | |
|---|--|
| <p>iv. Meor Zainuddin bin Khalil melawan Majlis Perbandaran Taiping.</p> | <p>Kes sedang dalam perbicaraan. Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Taiping telah menetapkan tarikh sambung bicara bagi kes ini pada 4 Mac 2013 di Mahkamah Tinggi Taiping.</p> |
| <p>v. Kes Tuggakan cukai taksiran (Lelongan di bawah Seksyen 151 Akta Kerajaan Tempatan)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Abdul Aziz bin Hj Mahmood - Huam Hock Beng - Mohamed bin Hj Mahmud - Zahid bin Abdul Mead | <p>Peguam sedang menguruskan lelongan di Mahkamah Tinggi Taiping.</p> |

28. ANGKA-ANGKA PERBANDINGAN

Angka-angka perbandingan di dalam Penyata Kewangan Majlis telah diklasifikasikan semula di dalam Lembangan Imbang dan Penyata Pendapatan untuk diselaraskan dengan kehendak persembahan tahun kewangan semasa.

Hakcipta Pencetak(H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA